

5 **Perkembangan Monetari dan Kewangan**

LAPORAN EKONOMI 2012/2013





Perkembangan Monetari dan Kewangan

Tinjauan

Sektor kewangan terus menyokong pertumbuhan

Dalam keadaan kewangan global yang volatil dan tidak menentu, penggunaan domestik dan aktiviti pelaburan yang berdaya tahan terus memacu pertumbuhan ekonomi dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012. Inflasi, yang mula reda sejak suku keempat 2011, terus sederhana dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012. Oleh itu, dasar monetari, kekal fokus untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam persekitaran kestabilan harga serta wajar bagi mengelakkan pembentukan ketidakseimbangan kewangan. Berikutan keadaan luar dan dalam negeri yang berubah-ubah, Kadar Dasar Semalaman (OPR) dikekalkan pada 3.00% dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) pada 4.00%.

Sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2012, pembiayaan melalui institusi kewangan dan pasaran modal meningkat untuk menyokong aktiviti ekonomi yang terus berkembang. Walaupun sistem kewangan global, terutama di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah, telah dilanda kejutan dan tekanan, sistem kewangan domestik kekal berdaya tahan hasil daripada keutuhan amalan tadbir urus dan pengurusan risiko, yang membawa kepada prestasi kewangan dan kualiti aset yang teguh serta kedudukan mudah tunai yang mantap. Pembiayaan melalui sistem perbankan kekal kukuh dengan permohonan pinjaman meningkat 10% dan pengeluaran pinjaman sebanyak 20.9%. Pada akhir Julai 2012, nisbah modal wajaran risiko (RWCR) berada pada paras 14.4%, manakala nisbah modal teras (CCR) pada 12.7%. Paras ini adalah jauh melebihi peraturan minimum semasa iaitu 8% bagi RWCR dan 4% untuk CCR serta piawaian lebih ketat di bawah Basel III.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, pasaran sukuk global berkembang 38% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2011. Pasaran sukuk pada tahun ini bermula dengan memberangsangkan apabila PLUS Berhad menerbitkan sukuk tunggal terbesar di dunia berjumlah RM30.6 bilion pada Januari 2012. Faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan penerbitan sukuk termasuklah kadar hasil yang semakin rendah bagi penerbitan berdaulat dan korporat berikutan permintaan yang ketara; sekuriti berkadar hasil tinggi dan berkualiti tinggi yang terhad; peralihan kepada aset pendapatan tetap yang selamat dalam keadaan kebimbangan berterusan terhadap masalah hutang kawasan euro yang masih belum selesai; dan kegiatan peminjam untuk mempelbagaikan sumber pembiayaan mereka. Malaysia terus menerajui kewangan Islam dengan mengekalkan dominasi dalam industri sukuk dan mencakupi 71% daripada sukuk global yang diterbitkan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012.

Perkembangan Monetari

Dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan

Pada tahun 2012, **dasar monetari** terus menyediakan persekitaran yang stabil bagi menyokong pertumbuhan, di samping menguruskan risiko tekanan inflasi dan mengelakkan ketidakseimbangan kewangan. Kadar OPR dikekalkan pada 3.00% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 dan tidak berubah sejak Mei 2011, mencerminkan pendirian dasar monetari yang akomodatif. Pendirian dasar ini akan terus dinilai berdasarkan risiko serta prospek pertumbuhan dan inflasi. Sementara itu, SRR kekal stabil pada paras 4.00% sejak Julai 2011.



Kadar faedah stabil

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, **kadar faedah** sistem perbankan adalah stabil, selaras dengan OPR. Pada akhir Julai 2012, kadar pinjaman asas bank perdagangan kekal pada 6.53% (akhir tahun 2011: 6.53%). Walau bagaimanapun, kadar pinjaman purata bank perdagangan jatuh sebanyak 13 mata asas kepada 4.70% (akhir tahun 2011: 4.83%). Kadar deposit tabungan susut 10 mata asas kepada 1.05% pada Januari 2012 dan terus kekal pada tahap tersebut sepanjang tempoh suku pertama tahun ini (akhir tahun 2011: 1.15%). Pada bulan April, kadar deposit tabungan jatuh satu mata asas lagi dan kekal pada 1.04% pada akhir Julai 2012. Sementara itu, kadar deposit tetap 1-bulan hingga 12-bulan berada antara 2.91% dan 3.18% pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 2.95% – 3.22%). Dengan kadar inflasi dalam trend menurun dari Oktober 2011, pulangan benar untuk semua deposit tetap bertukar positif sejak Januari 2012.

CARTA 5.1

Agregat Monetari (% perubahan tahunan)



Sumber: Bank Negara Malaysia.

Agregat monetari terus berkembang

Agregat monetari terus berkembang dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012. M1 atau wang secara kecil meningkat 14% pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 15.1%). M3 atau wang secara luas terus berkembang sebanyak 13.5% pada akhir Julai 2012, mencerminkan pemberian kredit berterusan oleh sistem perbankan kepada sektor swasta (akhir tahun 2011: 14.4%). M3 juga dirangsang oleh aliran masuk asing bersih yang lebih tinggi.

JADUAL 5.1

Faktor Penentu M3 Januari – Julai

	Perubahan (RM juta)	
	2011	2012
M3	70,342.4	70,383.3
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-19,367.1	-13,453.5
Tuntutan ke atas sektor swasta	63,028.7	81,850.7
Pinjaman	57,080.0	71,206.3
Sekuriti	5,948.6	10,644.4
Aset asing bersih	102,582.0	15,480.0
Bank Negara Malaysia	80,784.8	6,295.6
Sistem perbankan	21,797.2	9,184.4
Pengaruh lain	-75,901.1	-13,493.9

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.


Sumber: Bank Negara Malaysia.

Prestasi ringgit bercampur-campur

Prestasi **ringgit** bercampur-campur berbanding mata wang utama dan serantau dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012. Pergerakan ringgit sebahagian besarnya dipengaruhi oleh beberapa faktor luaran termasuk aliran modal asing, kebimbangan terhadap krisis hutang kawasan euro yang berlarutan dan prospek bagi pertumbuhan



CARTA 5.2

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

Sumber: Bank Negara Malaysia.

ekonomi serantau dan global. Secara keseluruhan, ringgit mengukuh nilai 1% berbanding dolar AS, 1.9% berbanding yen dan 6.4% berbanding euro manakala menyusut 1% berbanding paun sterling. Nilai ringgit juga jatuh antara 1% hingga 3.6% berbanding won Korea, dolar Australia, dolar Singapura dan peso Filipina. Walau bagaimanapun, nilai ringgit meningkat antara 0.5% hingga 4.6% berbanding baht, renminbi dan rupiah.

Pada bulan Ogos, pergerakan ringgit disokong oleh asas ekonomi domestik yang kukuh dan jangkaan langkah rangsangan oleh China untuk membantu merencanakan pertumbuhan ekonomi. Nilai ringgit naik 0.4% kepada RM3.1315 berbanding dolar AS dalam tempoh tersebut. Ringgit juga mengukuh 1% berbanding yen tetapi menyusut 0.3% berbanding paun sterling dan 1.6% berbanding euro. Selain itu, nilai ringgit juga naik berbanding mata wang serantau antara 0.5% hingga 2.4% kecuali berbanding baht.

Peraturan pentadbiran pertukaran asing terus dilonggarkan berkuat kuasa 31 Januari 2012. Liberalisasi ini bertujuan meningkatkan daya saing dalam ekonomi dan membangunkan lagi pasaran kewangan domestik. Langkah-langkah ini termasuk membenarkan bank tempatan berlesen berdagang mata wang asing dengan mata wang asing lain dengan pemastautin; membenarkan bank tempatan berlesen untuk menawarkan derivatif kadar faedah dalam denominasi ringgit kepada bukan pemastautin bukan bank; dan memberikan fleksibiliti kepada pemastautin untuk menukar obligasi hutang ringgit atau mata wang sedia ada kepada obligasi hutang mata wang asing yang lain. Langkah-langkah ini yang sejajar dengan teras Pelan Sektor Kewangan akan menyumbang ke arah peningkatan kecairan, keluasan dan penyertaan pelbagai peserta dalam pasaran kewangan domestik.

Perkembangan Sektor Kewangan

Prestasi Sistem Perbankan


Pinjaman kekal kukuh

Pinjaman oleh sistem perbankan terus menyokong aktiviti ekonomi dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012. Permintaan bagi pembiayaan terus kukuh dengan **permohonan pinjaman** berkembang 10% dan **pengeluaran pinjaman**, 20.9%, manakala **kelulusan pinjaman** meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 1.4%, mencerminkan sebahagiannya impak awal garis panduan pinjaman baharu, yang berkuat kuasa sejak Januari 2012 (Januari – Julai 2011: 23.5%; 8.2%; 20.5%). Sementara itu, jumlah **pinjaman terkumpul** berkembang 13% kepada RM1,073.1 bilion pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 13.6%; RM1,003.5 bilion).

Dalam tempoh yang sama, permohonan pinjaman oleh **perniagaan** berjumlah RM246.5 bilion, dan meningkat 18.6%, manakala kelulusan naik 7.3% (Januari – Julai 2011: RM207.8 bilion; 29.6%; 26%). Pengeluaran pinjaman kepada perniagaan berkembang 32.2% kepada RM394.4 bilion dan kebanyakannya untuk membiayai modal kerja




CARTA 5.3

Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman¹
(% perubahan tahunan)

¹ Data bulanan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.4

Sistem Perbankan: Jumlah Pinjaman Terkumpul¹

¹ Akhir tempoh.
² Akhir Julai 2012.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.2

Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman Januari – Julai

Penunjuk	RM billion		Perubahan (%)	
	2011	2012	2011	2012
Jumlah¹				
Permohonan pinjaman	434.2	477.6	23.5	10.0
Kelulusan pinjaman	230.5	233.8	20.5	1.4
Pengeluaran pinjaman	453.5	548.4	8.2	20.9
Pinjaman terkumpul ²	949.9	1,073.1	12.9	13.0
yang mana:				
Perniagaan				
Permohonan pinjaman	207.8	246.5	29.6	18.6
Kelulusan pinjaman	109.1	117.1	26.0	7.3
Pengeluaran pinjaman	298.4	394.4	6.1	32.2
Pinjaman terkumpul ²	354.7	406.5	12.4	14.6
yang mana:				
PKS				
Permohonan pinjaman	96.3	111.4	31.6	15.8
Kelulusan pinjaman	41.3	48.6	22.6	17.7
Pengeluaran pinjaman	99.6	124.2	18.9	24.7
Pinjaman terkumpul ²	140.6	170.7	14.1	21.4
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	226.4	231.1	18.3	2.1
Kelulusan pinjaman	121.3	116.7	16.1	-3.9
Pengeluaran pinjaman	155.1	154.0	12.5	-0.7
Pinjaman terkumpul ²	524.9	586.9	12.7	11.8

¹ Termasuk sektor lain (entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain).

² Pada akhir tempoh.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

(Januari – Julai 2011: 6.1%; RM298.4 bilion). Sektor pembuatan kekal menerima sebahagian besar daripada pengeluaran pinjaman iaitu 21.8%, diikuti oleh sektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran pada 19%, dan sektor perkhidmatan kewangan, insurans dan



perniagaan pada 10.9%. Secara keseluruhan, jumlah pinjaman perniagaan terkumpul meningkat 14.6% kepada RM406.5 bilion pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 13.5%; RM377.9 bilion).

Pembiayaan kepada **perusahaan kecil dan sederhana (PKS)** juga terus kekal kukuh dengan mencatatkan kadar pertumbuhan dua angka iaitu

15.8% bagi permohonan pinjaman, 17.7% kelulusan pinjaman dan 24.7% pengeluaran pinjaman (Januari – Julai 2011: 31.6%; 22.6%; 18.9%). Sebahagian besar pengeluaran pinjaman telah disalurkan kepada sektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran (35.1%), dan sektor pembuatan (29%). Pada akhir Julai 2012, pinjaman PKS terkumpul meningkat 21.4% kepada RM170.7 bilion dan merangkumi 42%

JADUAL 5.3

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran Pinjaman				Pinjaman Tercumpul			
	2011		Jan – Julai 2012		Akhir 2011		Akhir Julai 2012	
	RM bilion	Bahagian (%)	RM bilion	Bahagian (%)	RM bilion	Bahagian (%)	RM bilion	Bahagian (%)
Perniagaan	543.5	67.0	394.4	71.9	377.9	37.7	406.5	37.9
Syarikat besar ¹	363.6	44.8	38.7	7.1	224.8	22.4	235.8	22.0
PKS	179.9	22.2	124.2	22.7	153.2	15.3	170.7	15.9
<i>Sektor terpilih²</i>								
Pertanian primer	22.9	2.8	16.0	2.9	21.9	2.2	25.4	2.4
Perlombongan dan kuari	5.1	0.6	4.7	0.9	4.8	0.5	6.2	0.6
Pembuatan	175.6	21.6	119.4	21.8	92.3	9.2	96.3	9.0
Bekalan elektrik, gas dan air	5.6	0.7	4.5	0.8	10.4	1.0	8.9	0.8
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	139.7	17.2	103.9	19.0	73.0	7.3	78.2	7.3
Pembinaan	45.1	5.6	28.3	5.2	40.0	4.0	41.5	3.9
Harta tanah	33.3	4.1	25.9	4.7	51.0	5.1	58.1	5.4
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	19.7	2.4	11.4	2.1	30.5	3.0	28.9	2.7
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	63.0	7.8	59.7	10.9	72.0	7.2	85.8	8.0
Isi rumah²	267.7	33.0	154.0	28.1	552.5	55.1	586.9	54.7
yang mana:								
Pembelian harta kediaman ³	64.5	8.0	37.3	6.8	255.9	25.5	275.0	25.6
Pembelian kereta penumpang ³	35.7	4.4	22.7	4.1	119.4	11.9	124.0	11.6
Kredit penggunaan ^{3,4}	127.2	15.7	69.3	12.6	82.7	8.2	84.4	7.9
yang mana:								
Kad kredit ³	93.7	11.6	50.8	9.3	32.2	3.2	31.8	3.0
Sektor lain-lain	-	-	-	-	73.1	7.3	79.7	7.4
Jumlah⁵	811.3	100.0	548.4	100.0	1,003.5	100.0	1,073.1	100.0

¹ Termasuk sektor lain (entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain).

² Meliputi pinjaman kepada semua pelanggan (bukan isi rumah dan isi rumah).

³ Pinjaman kepada isi rumah sahaja.

⁴ Kredit penggunaan = kad kredit + kegunaan persendirian + pembelian barang penggunaan.

⁵ Jumlah = perniagaan + isi rumah + sektor lain-lain.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.



daripada jumlah pinjaman perniagaan terkumpul dalam sistem perbankan (akhir tahun 2011: 19.3%; RM153.2 bilion; 40.5%).

Selain daripada sistem perbankan, PKS juga mendapatkan pembiayaan daripada lima **dana pusingan khas**¹ yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Dana-dana khas tersebut bertujuan meningkatkan lagi akses PKS kepada pembiayaan dengan kadar pinjaman yang lebih rendah antara 3.75% dan 6.00%. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, pembiayaan berjumlah RM765.2 juta telah diluluskan kepada 1,945 PKS (Januari – Julai 2011: RM542.6 juta; 2,568). Pada akhir Julai 2012, dengan kadar penggunaan 93.2%, pembiayaan yang diluluskan berjumlah RM21.9 bilion dan telah memanfaatkan 52,933 PKS sejak penubuhan dana-dana tersebut (akhir tahun 2011: 95.2%; RM21.2 bilion; 50,988).

Institusi kewangan juga menawarkan **pinjaman mikro** di bawah skim Pembiayaan Mikro bagi

memenuhi keperluan perniagaan mikro yang merupakan sebahagian besar PKS. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, sebanyak 10,125 pinjaman perniagaan mikro yang berjumlah RM198.5 juta telah diluluskan (Januari – Julai 2011: 11,984; RM221.8 juta). Pada akhir Julai 2012, jumlah pinjaman terkumpul di bawah skim ini terus berkembang sebanyak 4% kepada RM867.7 juta dan secara keseluruhannya telah memanfaatkan 69,327 perniagaan mikro (akhir tahun 2011: 14.3%; RM887.6 juta; 71,536).

Sumber pembiayaan mikro lain adalah termasuk pembiayaan yang disediakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional). AIM telah ditubuhkan pada September 1987 dengan objektif untuk membantu isi rumah miskin melalui peruntukan kredit mikro bagi membiayai aktiviti menjana pendapatan. Berbeza dengan skim pembiayaan konvensional, pinjaman AIM tidak memerlukan cagaran atau penjamin. AIM tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap

Garis Panduan Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab

- Garis Panduan yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2012, bertujuan menggalakkan amalan pembiayaan runcit yang berhemat, bertanggungjawab dan telus dalam kalangan institusi kewangan termasuk institusi kewangan pembangunan serta amalan pinjaman bertanggungjawab oleh pengguna. Garis Panduan ini melengkapkan pelbagai langkah awalan komprehensif yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia untuk mencegah sektor isi rumah daripada menjadi punca kemudahjejan terhadap sistem kewangan dan ekonomi.
- Garis Panduan ini menumpukan kepada penilaian kemampuan peminjam untuk mengambil pembiayaan agar peminjam tidak berada dalam keberhutangan yang berlebihan. Dalam menilai permohonan pembiayaan, institusi kewangan mesti mengambil kira semua obligasi pembayaran balik hutang dan pendapatan selepas potongan berkanun¹ dalam menentukan keupayaan peminjam untuk membayar balik ansuran bulanan sepanjang tempoh pembiayaan tersebut. Institusi kewangan diberikan fleksibiliti untuk menentukan nisbah khidmat hutang berhemat berdasarkan polisi pinjaman institusi dan kedudukan kewangan peminjam. Di samping itu, institusi kewangan juga dikehendaki memberikan lebih banyak maklumat untuk membantu pengguna memahami implikasi keputusan meminjam sebelum menandatangani kontrak pinjaman. Maklumat ini termasuk bagaimana perubahan kadar faedah akan memberi kesan ke atas pembayaran balik ansuran bulanan. Garis Panduan ini akan bertindak untuk memastikan bahawa kadar peningkatan hutang isi rumah adalah bersesuaian dengan keupayaan mereka untuk membayar balik.

¹ Cukai pendapatan dan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

¹ Tabung Untuk Makanan telah ditubuhkan pada tahun 1993; Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (2000); Tabung Usahawan Baru 2 (2001); Tabung Pembiayaan Mikro (2008); dan Tabung Projek Usahawan Bumiputera - Islam (2009).



pemungkir pinjaman, namun begitu kadar kegagalan bayaran balik hanya 0.6% pada akhir Julai 2012. Dengan rangkaian 123 cawangan di seluruh negara, AIM mempunyai 313,871 sahabat yang sebahagian besarnya adalah wanita dan telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM7.4 bilion pada akhir Julai 2012. Sementara itu, TEKUN Nasional yang ditubuhkan pada tahun 1998 juga menyediakan pembiayaan mikro kepada usahawan kecil untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan. Pada akhir Julai 2012, TEKUN Nasional mempunyai 198 rangkaian cawangan di seluruh negara dan telah menyediakan pembiayaan mikro berjumlah RM2.2 bilion kepada 222,004 usahawan sejak penubuhannya.

Pinjaman kepada sektor **isi rumah** kekal aktif dengan pinjaman isi rumah terkumpul berkembang 11.8% kepada RM586.9 bilion dan merangkumi 54.7% daripada jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 12.9%; RM552.5 bilion; 55.1%). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012,

permohonan pinjaman isi rumah meningkat 2.1% manakala kelulusan pinjaman merosot 3.9% dan pengeluaran pinjaman turun 0.7% (Januari – Julai 2011: 18.3%; 16.1%; 12.5%). Sebahagian besar pinjaman isi rumah adalah dalam bentuk kredit penggunaan, yang meliputi RM69.3 bilion atau 12.6% daripada jumlah pengeluaran pinjaman, diikuti oleh pinjaman untuk pembelian harta kediaman pada 6.8% atau RM37.3 bilion.

Jumlah hutang sektor isi rumah, termasuk pinjaman yang diberikan terutamanya oleh sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP), Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dan institusi kredit lain, terus berkembang pada kadar yang lebih perlahan, iaitu 11.7% kepada RM694.8 bilion pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 12.6%; RM653.5 bilion). Jumlah hutang isi rumah dicatatkan pada 75.6% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) nominal pada akhir suku kedua 2012 (akhir tahun 2011: 74.2%). Pinjaman terkumpul bagi pembelian harta kediaman dan pembiayaan

Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat

- Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) adalah satu komponen infrastruktur maklumat kredit yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia (BNM). CCRIS merupakan sistem pangkalan data berkomputer yang memproses maklumat kredit sebenar daripada institusi kewangan dan menyebarkan kembali maklumat tersebut kepada institusi kewangan yang terlibat dalam bentuk laporan kredit. Institusi kewangan yang terlibat mengemukakan maklumat kredit kepada CCRIS semasa permohonan dibuat dan keputusan permohonan serta maklumat-maklumat lain sepanjang tempoh pinjaman tersebut.
- Laporan kredit adalah rekod sejarah kredit peminjam yang mengandungi maklumat tentang jenis kemudahan kredit, baki belum jelas, pengendalian akaun dan status tindakan undang-undang bagi tempoh 12 bulan terdahulu. Laporan kredit ini tidak memberi apa-apa penilaian terhadap kebolehpercayaan kredit peminjam.
- Laporan kredit tersebut adalah salah satu daripada input dan faktor yang dinilai oleh institusi kewangan untuk memudahkan membuat keputusan permohonan kredit. Individu juga boleh mendapatkan laporan kredit mereka tanpa apa-apa caj dari mana-mana pejabat BNM. Terdapat pegawai di BNM yang khusus untuk membantu pengguna memahami laporan kredit tersebut.
- Perkongsian maklumat kredit yang disatukan ini terbukti memberi manfaat kepada peminjam dan pemberi pinjaman. Penggunaan maklumat yang seragam antara peminjam dan pemberi pinjaman telah menyumbang ke arah meningkatkan kecekapan pemprosesan pinjaman. Penyediaan maklumat yang dikongsi juga telah menyokong pembangunan alat pengurusan risiko kredit yang lebih canggih oleh institusi kewangan, termasuk pembangunan model pemarkahan kredit dan analisis portfolio yang lebih terperinci. Secara keseluruhannya, semua ini menyumbang terhadap menggalakkan budaya kredit yang kukuh dan pembiayaan yang bertanggungjawab.



Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit

- Pejabat Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit (PAPK) telah ditubuhkan pada tahun 2011 di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010. Akta ini telah digubal untuk mengimbangi antara hak pengguna untuk privasi dan perlindungan dengan hak pemberi pinjaman untuk mengakses maklumat bagi menambah baik penilaian kredit dan pengurusan risiko. Perkongsian maklumat kredit dalam persekitaran yang terkawal akan memastikan bahawa maklumat kredit pengguna digunakan dengan betul. PAPK juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan aduan dan pertikaian antara pengguna dan agensi pelaporan kredit (APK).
- Kajian awal industri pelaporan kredit di Malaysia menunjukkan bahawa terdapat 25 APK swasta, yang mana enam daripadanya dikenal pasti sebagai pemain utama.
- PAPK ditugaskan untuk:
 - a) menasihati Menteri Kewangan mengenai segala perkara berhubung dengan pentadbiran Akta ini;
 - b) melaksanakan dan menguatkuasakan Akta ini termasuk penggubalan dasar dan tatacara pengendalian;
 - c) menggalakkan kesedaran dan penyebaran maklumat kepada orang ramai berhubung dengan pelaksanaan Akta ini;
 - d) melaksanakan tanggungjawab pemantauan, pengawalan, penyeliaan dan pengawalseliaan APK;
 - e) menggalakkan dan mempromosikan pembangunan APK dan sektor pelaporan kredit yang mantap dan teratur; dan
 - f) mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi APK untuk menjalankan aktiviti mereka.
- Di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010, setiap APK adalah dilarang menjalankan perniagaan pelaporan kredit melainkan ia telah berdaftar dan diberi perakuan pendaftaran oleh PAPK.

kenderaan masih merupakan bahagian besar atau 64% daripada jumlah hutang isi rumah pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 64%). Sementara itu, penampakan kewangan sektor isi rumah kekal berdaya tahan dengan paras aset kewangan isi rumah meningkat 9.8% kepada RM1.6 trilion pada akhir Julai 2012, iaitu lebih daripada dua kali ganda jumlah hutang isi rumah (akhir tahun 2011: 8.3%; RM1.5 trilion). Nisbah aset kewangan mudah tunai kepada hutang isi rumah pula dicatatkan pada 152.4% pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 148%). Tahap pinjaman terjejas isi rumah juga bertambah baik kepada 1.6% daripada jumlah pinjaman isi rumah yang diberikan oleh sistem perbankan pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 1.8%).

Penggunaan **kad kredit** dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 kekal tinggi dengan jumlah urus niaga meningkat 6.7% kepada RM53.6

bilion (Januari – Julai 2011: 11.8%; RM50.3 bilion). Jumlah baki tertunggak kad kredit adalah sebanyak RM32.9 bilion pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: RM33.4 bilion). Perbelanjaan kad kredit mewakili 3.1% daripada jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan dan 5.6% daripada jumlah pinjaman isi rumah pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 3.3%; 6.1%). Permohonan kad kredit merosot kepada satu juta manakala kadar kelulusan adalah 51.7% (Januari – Julai 2011: 1.4 juta; 49.3%). Jumlah pinjaman tidak berbayar bagi hutang kad kredit berkurang kepada RM491 juta dan nisbah pinjaman terjejas bertambah baik kepada 1.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: RM528 juta; 1.6%).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) terus memberikan nasihat kewangan dan bantuan

penstrukturan semula hutang dalam usaha menggalakkan pengurusan kewangan berhemat dan meningkatkan tahap celik kewangan. AKPK telah mengendalikan sebanyak 875 taklimat dan pameran di seluruh negara bagi pelbagai kumpulan sasar, yang mana 623 adalah untuk program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!), melibatkan 85,690 peserta yang kebanyakannya adalah golongan muda. Kaunseling kepada individu bertambah 22.3% kepada 21,436 peserta (Januari – Julai 2011: -4.1%; 17,529) yang mana 44.6% atau 9,570 peserta telah menyertai Program Pengurusan Hutang (DMP) (Januari – Julai 2011: 55.8%; 9,778). Dalam tempoh tersebut, program ini telah membantu peminjam dalam menstruktur semula pembayaran balik nilai hutang berjumlah RM629.6 juta kepada institusi kewangan (Januari – Julai 2011: RM576.4 juta). Kes hutang kad kredit di bawah DMP berkurang kepada 7,730 dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 dengan jumlah hutang RM376.9 juta (Januari – Julai 2011: 8,156; RM352 juta), manakala kes pembiayaan peribadi berjumlah 5,202 dengan nilai hutang RM173.7 juta (Januari – Julai 2011: 5,114; RM138 juta).

Sistem perbankan kekal mantap

Sistem perbankan kekal kukuh dengan permodalan yang teguh dan penampakan mudah tunai yang stabil dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012. Ujian ketahanan yang kerap dijalankan mengesahkan daya tahannya kepada kejutan dan keadaan pasaran luar biasa. RWCR sistem perbankan mencatatkan paras 14.4% dan CCR 12.7% pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 15.7%; 13.7%) dengan kira-kira 87.7% modal yang layak berbentuk modal berkualiti tinggi Kumpulan-1 terutamanya modal berbayar dan rizab. Modal yang melampaui keperluan minimum RWCR 8%, kekal tinggi melebihi RM72 bilion.


Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, keuntungan sektor perbankan terus bertambah baik hasil peningkatan pendapatan daripada aktiviti pembiayaan serta keuntungan perdagangan dan pelaburan yang lebih tinggi. Keuntungan sektor perbankan juga disokong oleh peruntukan

pinjaman bermasalah yang lebih rendah sejajar dengan tahap pinjaman terjejas keseluruhan yang rendah. Keuntungan sebelum cukai sektor perbankan bertumbuh 11.6% kepada RM17.3 bilion (Januari – Julai 2011: 38.1%; RM15.5 bilion). Dalam tempoh yang sama, kualiti pinjaman dalam sistem perbankan terus bertambah baik dengan tahap pinjaman terjejas turun kepada RM23.4 bilion manakala nisbah pinjaman terjejas jatuh kepada paras yang rendah, iaitu 1.5% daripada jumlah pinjaman bersih pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: RM27 bilion; 1.8%). Kadar perlindungan kerugian pinjaman secara keseluruhannya kekal melebihi 90%.

Sementara itu, kesan langsung krisis hutang kawasan euro kepada sektor kewangan domestik dapat dibendung dengan pengantaraan berkesan oleh pasaran kewangan dan bon domestik terhadap peningkatan jumlah dan volatiliti aliran portfolio. Impak ke atas bank-bank juga adalah minimum

CARTA 5.5

Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas¹, Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih¹ dan Nisbah Modal Wajaran Risiko¹



¹ Akhir tempoh.

² Akhir Julai 2012.

Sumber: Bank Negara Malaysia.



hasil daripada pengurusan pendedahan risiko pasaran yang berhemat oleh institusi kewangan; kebergantungan yang rendah kepada pinjaman luar untuk pembiayaan oleh bank domestik dan bank asing yang diperbadankan dalam negeri (LIFB); dan pendedahan kredit yang terhad oleh institusi kewangan dengan rakan niaga di Eropah.

Walaupun tuntutan asing ke atas Malaysia agak besar, berdasarkan kepada statistik Bank for International Settlements (19.7% daripada KDNK pada akhir tahun 2011), risiko penahleverage (*deleveraging*) oleh bank-bank Eropah terhadap ekonomi dan sistem kewangan domestik adalah terhad. Sekiranya berlaku penarikbalikan secara besar-besaran oleh bank-bank Eropah dari Malaysia, pengantaraan kewangan domestik dapat disokong secukupnya oleh bank Malaysia dan bank lain yang bukan dari Eropah kerana permodalan dan kedudukan mudah tunai bank-bank tersebut adalah kukuh.

Sementara itu, sebuah bank perdagangan asing baharu yang diberikan lesen pada tahun 2010 telah mula beroperasi pada Julai 2012. Di samping itu, sebuah bank perdagangan asing dari India diberi semula lesen di bawah pengaturan dua hala dan telah mula beroperasi pada Julai 2012. Penyertaan bank-bank perdagangan asing baharu ini yang mempunyai rangkaian global yang kukuh dijangka akan memanfaatkan potensi besar bidang perniagaan khusus yang belum diterokai dan mengukuhkan lagi hubungan Malaysia dengan ekonomi antarabangsa.

Sebanyak 14 cawangan LIFB baharu telah ditubuhkan di seluruh Malaysia sejak 2009 berikutan lebih fleksibiliti operasi diberikan kepada LIFB, yang mana dua cawangan telah memulakan operasi pada Julai 2012. Perkembangan ini merupakan petanda baik ke arah menggalakkan rangkuman kewangan di samping meningkatkan keupayaan LIFB untuk memainkan peranan pengantaraan yang lebih berkesan dalam ekonomi domestik. Institusi kewangan yang sedia ada dalam sektor kewangan Malaysia juga akan menikmati lebih fleksibiliti operasi untuk mewujudkan saluran penyampaian

baharu. Jangkauan yang diperluaskan ini akan dilaksanakan bersama-sama dengan langkah-langkah untuk mempercepat pembangunan saluran penyampaian alternatif, sementara mengekalkan pengagihan lokasi cawangan yang seimbang untuk menyokong keperluan kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan serta menggalakkan lagi rangkuman kewangan.

Liberalisasi sektor perkhidmatan kewangan kepada pelaburan asing seterusnya akan berpandukan dua pertimbangan utama seperti yang dinyatakan dalam Pelan Sektor Kewangan. Pertimbangan pertama adalah kriteria kehematan yang mengambil kira kekukuhan kewangan, rekod perniagaan, pengalaman, ciri-ciri dan integriti pelabur asing; kekukuhan dan kebolehlaksanaan rancangan perniagaan bagi institusi di Malaysia; ketelusan dan tahap kompleksiti struktur kumpulan korporat yang tidak menghalang pengawalan dan penyeliaan berkesan; serta sistem dan tahap penyeliaan di negara asal. Pertimbangan kedua akan mengambil kira kesan pelaburan asing ke atas aktiviti ekonomi di Malaysia, terutamanya dalam memangkin aktiviti ekonomi bernilai tambah tinggi baharu; sumbangan ke arah meningkatkan hubungan perdagangan antarabangsa dan pelaburan; dan kesan ke atas kestabilan kewangan.

Memperluas jangkauan IKP

Institusi kewangan pembangunan (IKP) terus menyokong pembangunan sektor-sektor strategik ekonomi seperti yang ditunjukkan oleh pertumbuhan pembiayaan yang kukuh. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, jumlah pembiayaan terkumpul IKP berkembang 8.6% kepada RM106.5 bilion pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 7.1%; RM100.9 bilion). Pertumbuhan ini disumbangkan oleh peningkatan pembiayaan untuk kredit penggunaan serta sektor pengangkutan dan komunikasi, pembinaan, dan perkhidmatan perniagaan. Berdasarkan permintaan pengguna yang berterusan, pembiayaan bagi kredit penggunaan kekal sebagai bahagian terbesar daripada jumlah pembiayaan IKP, dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 11.2% dan jumlah pembiayaan terkumpul sebanyak RM53.8 bilion



pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 10.6%; RM50.2 bilion). Pembiayaan kepada sektor pengangkutan dan komunikasi kembali positif dengan mencatat pertumbuhan menggalakkan sebanyak 7% kepada RM5.9 bilion, disebabkan terutamanya oleh pembiayaan untuk pembelian peralatan pengangkutan yang lebih tinggi (akhir tahun 2011: -5.4%; RM5.4 bilion). Sementara itu, pembiayaan kepada sektor pembinaan meningkat 9% kepada RM16.4 bilion pada akhir Julai 2012, mencerminkan pembiayaan yang lebih tinggi bagi pembangunan harta tanah dan projek berkaitan pembinaan di luar negara (akhir tahun 2011: 14.4%; RM15.9 bilion). Pembiayaan kepada sektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan juga berkembang kukuh sebanyak 27.4% kepada RM2.6 bilion, disebabkan terutamanya oleh peningkatan pembiayaan yang diberikan untuk aktiviti koperasi dan perdagangan (akhir tahun

2011: 38.4%; RM2.3 bilion). Pinjaman kepada PKS, terutamanya dalam sektor pertanian dan pembinaan merangkumi 11.5% atau RM12.2 bilion daripada jumlah pembiayaan terkumpul (akhir tahun 2011: 12%; RM12.1 bilion).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, inisiatif dasar kekal tertumpu kepada peningkatan keberkesanan dan kecekapan IKP dengan memperkenalkan beberapa polisi dan produk baharu untuk memastikan IKP terus menyokong sektor sasaran. Pelan Sektor Kewangan menekankan peranan penting IKP yang kukuh serta mempunyai kedudukan kewangan yang mampan dengan skala ekonomi dan jangkauan yang lebih luas ke arah menyokong transformasi ekonomi Malaysia. Bagi mencapai matlamat ini, Bank Simpanan Nasional (BSN) telah melaksanakan perbankan tanpa cawangan pada Januari 2012, iaitu sebahagian daripada inisiatif ke arah mencapai rangkuman kewangan. Perbankan tanpa cawangan ini bertujuan meningkatkan jangkauan pelanggan dan penyampaian perkhidmatan kewangan kepada komuniti yang tidak mempunyai akaun bank dan kurang mendapat perkhidmatan kewangan di kawasan pinggir bandar dan luar bandar.

Dalam usaha untuk memperluaskan lagi rangkuman kewangan kepada kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan, perbankan ejen telah diperkenalkan bagi menyediakan perkhidmatan perbankan asas, seperti membuat deposit dan pengeluaran, pemindahan dana, pembayaran bil dan pembayaran balik pembiayaan. Semua urusan niaga dijalankan oleh ejen bank berdaftar secara masa sebenar bagi melindungi kepentingan pelanggan. Semasa operasi percubaan perbankan ejen, lebih satu juta urusan niaga berjumlah kira-kira RM190 juta telah dilaksanakan melalui 2,322 ejen daripada tiga institusi kewangan yang mengambil bahagian pada akhir Julai 2012.

Mengambil kira kepentingan pengurusan mudah tunai yang kukuh, Garis Panduan mengenai Rangka Kerja Pengurusan Mudah Tunai untuk IKP telah diperluaskan lagi kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, SME Bank dan Agrobank pada 17 Mei 2012. Garis Panduan ini

JADUAL 5.4

Institusi Kewangan Pembangunan¹: Haluan Pinjaman

Sektor	Akhir 2011		Akhir Julai 2012	
	RM bilion	Bahagian (%)	RM bilion	Bahagian (%)
Pertanian primer	6.5	6.5	6.3	5.9
Pembuatan	5.0	4.9	5.1	4.8
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	1.6	1.6	1.8	1.7
Pembinaan	15.9	15.8	16.4	15.4
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	5.4	5.3	5.9	5.5
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	2.3	2.2	2.6	2.4
Lain-lain	64.1	63.6	68.5	64.3
Jumlah	100.9	100.0	106.5	100.0

¹ Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank).

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.



menetapkan tahap mudah tunai minimum yang perlu dikekalkan oleh IKP selaras dengan amalan pengurusan mudah tunai yang kukuh.

Industri insurans yang mantap dan berdaya tahan

Industri **insurans** kekal berdaya tahan dengan permodalan yang kukuh dan peningkatan keuntungan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012. Nisbah kecukupan modal berada pada 216.7% dengan modal penampungan melebihi RM20 bilion (akhir tahun 2011: 222.5%). Kesan langsung daripada perkembangan di Eropah terhadap sektor insurans domestik adalah minimum, memandangkan pendedahan dari segi pelaburan dan insurans semula dengan rakan niaga insurans Eropah adalah kecil. Sebahagian besar daripada pendedahan adalah dengan penanggung insurans dan penanggung insurans semula yang mempunyai penarafan kukuh serta mengekalkan kedudukan kewangan yang teguh.

Sektor **insurans hayat** mencatatkan pertumbuhan 18.8% berjumlah RM8.1 bilion dalam lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan, berikutan premium bersih dan keuntungan modal yang lebih tinggi (Januari – Julai 2011: 2.9%; RM6.8 bilion). Permintaan bagi produk berkaitan pelaburan terus berkembang sejajar dengan keadaan pasaran yang menggalakkan. Premium perniagaan baharu bagi produk berkaitan pelaburan berkembang 24.8% kepada RM1.7 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: 24.3%; RM1.4 bilion). Sementara itu, kadar penembusan pasaran bagi sektor insurans hayat berada pada paras 54.4% pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 54.7%).

Keuntungan kendalian sektor **insurans am** kekal stabil, berjumlah RM1.2 bilion (Januari – Julai 2011: RM981.8 juta). Keuntungan ini disumbangkan oleh premium langsung kasar yang bertumbuh 9.1% berjumlah RM9.1 bilion, terutamanya dalam perniagaan marin, udara dan transit (Januari – Julai 2011: 7.1%; RM8.4 bilion). Perniagaan motor kekal sebagai segmen

JADUAL 5.5

Perniagaan Insurans Hayat dan Am

	2011	2012 Jan – Julai
Insurans Hayat (RM juta)		
Perniagaan baharu		
Bilangan polisi (unit)	1,502,110	893,145
Jumlah diinsuranskan	287,073.9	192,720.2
Jumlah premium	8,206.4	4,738.6
Perniagaan berkuat kuasa		
Bilangan polisi (unit)	15,654,696	15,569,462
Jumlah diinsuranskan	1,028,421.9	1,092,850.5
Premium tahunan	20,891.2	22,185.5
Pendapatan Premium	22,877.7	13,834.8
Bayaran Manfaat	14,015.5	8,375.2
Insurans Am (RM juta)		
Pendapatan premium:		
Premium langsung kasar	13,794.3	9,121.5
Premium bersih	11,651.9	6,310.8
Insurans semula ditempatkan di luar Malaysia	1,040.5	554.1
Nisbah bendungan¹ (%)	84.5	69.2
Bilangan syarikat insurans		
Langsung	37	36
Hayat	9	9
Am	22	21
Komposit	6	6
Insurans semula	7	7
Hayat	1	1
Am	5	5
Komposit	1	1

¹ Bahagian premium yang dikekalkan dalam negara.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.


Sumber: Bank Negara Malaysia.

perniagaan terbesar dalam sektor insurans am, menyumbang 43.9% kepada jumlah premium. Dari segi tuntutan, nisbah kerugian keseluruhan

CARTA 5.6

Aset Kumpulan Wang Insurans Hayat dan Am¹

(% bahagian)


¹ Akhir Julai 2012.

² Pelaburan lain = Pinjaman jaminan Kerajaan + pelaburan harta tanah + lain-lain.

³ Aset lain = Harta benda, loji dan kelengkapan + aset asing + lain-lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

yang lebih rendah pada 59.2% adalah hasil daripada penambahbaikan dalam segmen perubatan dan kesihatan, motor, dan kebakaran (akhir Julai 2011: 60.8%).

Jumlah aset industri insurans terus berkembang 8.3% kepada RM184.7 bilion pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 7.7%; RM180.9 bilion). Portfolio aset tertumpu kepada sekuriti hutang korporat dan menyumbang 39.5% kepada jumlah aset manakala komponen ekuiti menyumbang 16.3%. Aset sektor insurans hayat yang merangkumi 86.8% kekal segmen utama dalam jumlah aset industri.

Satu penggabungan dan pengambilalihan dalam industri insurans yang berjaya dilaksanakan sepanjang tahun lalu telah mengurangkan bilangan syarikat insurans daripada 37 kepada 36. Konsolidasi dan rasionalisasi selanjutnya akan diteruskan dalam industri insurans am dengan beberapa penggabungan dan pengambilalihan dalam perancangan.

Prestasi Pasaran Modal

Pemerolehan dana yang rancak

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, **dana kasar yang diperoleh dalam pasaran modal** melonjak sebanyak 46.3% kepada RM155.5 bilion disokong terutamanya oleh keperluan pembiayaan infrastruktur (Januari – Julai 2011: 31.8%; RM106.3 bilion). Dana kasar yang diperoleh oleh sektor awam berkembang 3.3% kepada RM64.3 bilion dalam tempoh yang sama (Januari – Julai 2011: 47.6%; RM62.2 bilion). Dana yang diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) dan Sukuk Perumahan Kerajaan. Setelah mengambil kira penebusan, dana bersih yang diperoleh meningkat 47.4% kepada RM91.3 bilion (Januari – Julai 2011: 28.8%; RM62 bilion), dengan sektor awam mencakupi 33.9% atau RM31 bilion dan sektor swasta, RM60.4 bilion (Januari – Julai 2011: 58%; RM35.9 bilion; RM26.1 bilion).



JADUAL 5.6

Dana yang Diperoleh di Pasaran Modal Januari – Julai

(RM juta)

	2011	2012
Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	36,040	35,052
Bon Khazanah	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan	26,179	26,634
Bon Simpanan Merdeka	-	-
Sukuk Perumahan Kerajaan	-	2,600
Terbitan baru sekuriti Kerajaan	62,219	64,286
Tolak: Penebusan	26,288	33,291
Dana bersih yang diperoleh oleh sektor awam	35,931	30,995
Sektor Swasta		
Saham¹/Waran		
Tawaran awam awal	6,652	17,512
Terbitan hak	1,558	2,605
Penempatan persendirian/ Tawaran jualan secara terhad	-	176
Terbitan khas	-	-
Waran	6	12
Terbitan baru saham/waran	8,216	20,305
Sekuriti hutang		
Bon biasa	4,453	5,219
Bon boleh tukar	-	-
Bon Islam	3,450	3,022
Bon bersandarkan aset	-	40
Bon dengan waran	-	-
Nota jangka sederhana	27,934	62,651
Bon Cagamas	-	-
Terbitan baru sekuriti hutang	35,837	70,932
Tolak: Penebusan	18,002	30,890
Terbitan bersih sekuriti hutang	17,835	40,042
Dana bersih yang diperoleh oleh sektor swasta	26,051	60,347
Jumlah dana bersih diperoleh	61,982	91,342

¹ Tidak termasuk dana yang diperoleh melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Pemerolehan dana kasar oleh sektor swasta yang dijana melalui terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) meningkat dengan ketara sebanyak 97.9% kepada RM70.9 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: 67.7%; RM35.8 bilion). Peningkatan ini disebabkan oleh sentimen terhadap prestasi ekonomi Malaysia dan keyakinan pelabur yang bertambah baik, yang telah menarik perhatian dana institusi tempatan dan asing ke dalam pasaran bon korporat.

Sebahagian besar pemerolehan dana adalah daripada sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan yang merangkumi

JADUAL 5.7

Terbitan Baru PDS¹ Mengikut Sektor Januari – Julai

Sektor	2011		2012	
	RM juta	Bahagian (%)	RM juta	Bahagian (%)
Pertanian, perumahan dan perikanan	266	0.7	977	1.4
Pembuatan	640	1.8	1,508	2.1
Pembinaan	3,287	9.2	4,202	5.9
Elektrik, gas dan air	6,700	18.6	6,990	9.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	800	2.2	3,740	5.3
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	14,425	40.3	47,567	67.1
Perkhidmatan Kerajaan dan lain-lain	9,370	26.2	5,878	8.3
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	349	1.0	70	0.1
Jumlah	35,837	100.0	70,932	100.0

¹ Termasuk sekuriti hutang swasta yang diterbitkan oleh Cagamas dan syarikat bukan pemastautin.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.




RM47.6 bilion atau 67.1% daripada jumlah terbitan PDS (Januari – Julai 2011: RM14.4 bilion; 40.3%). Dana yang diperoleh terutamanya adalah untuk penggabungan dan pengambilalihan, modal kerja dan menyokong aktiviti perniagaan am. Walaupun terdapat volatiliti di pasaran kewangan antarabangsa, dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti domestik juga meningkat ketara sebanyak 147.5% kepada RM20.3 bilion (Januari – Julai 2011: -51.9%; RM8.2 bilion). Dana yang dijana melalui tawaran awam awal (IPO) adalah lebih tinggi pada RM17.5 bilion dan terbitan hak pada RM2.6 bilion (Januari – Julai 2011: RM6.7 bilion; RM1.6 bilion).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, kadar hasil SKM secara umumnya adalah pada trend menurun. Kadar hasil SKM yang lebih rendah adalah disebabkan terutamanya oleh jangkaan keadaan monetari domestik kekal akomodatif berikutan prospek pertumbuhan global dan serantau yang lemah serta permintaan SKM yang mampan oleh bukan pemastautin. Dalam tempoh tersebut, kadar hasil SKM 5-tahun menurun 2 mata asas dan 10-tahun jatuh 29 mata asas (Januari – Julai 2011: +10 mata asas; -16 mata asas). Walau bagaimanapun, kadar hasil SKM 1-tahun meningkat 16 mata asas dan 3-tahun naik 3 mata asas (Januari – Julai 2011: +6 mata asas; +12 mata asas). Pegangan asing dalam SKM meningkat 26.9% kepada RM121 bilion pada akhir Julai 2012 dan merangkumi 41.6% daripada jumlah SKM terkumpul (akhir Julai 2011: 53.8%; RM95.4 bilion; 34.4%).


Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, spread kredit PDS bertempoh 5 tahun (kadar hasil PDS tolak kadar hasil SKM) bagi sekuriti hutang bertaraf AAA mengecil 11 mata asas manakala bagi sekuriti hutang bertaraf AA sebanyak 21 mata asas dan bertaraf A sebanyak 12 mata asas (Januari – Julai 2011: -10 mata asas; -13 mata asas; -44 mata asas). Pengecilan spread ini sebahagiannya mencerminkan aktiviti pembiayaan yang cergas dalam pasaran PDS. Spread tempoh matang SKM (SKM 10-tahun tolak SKM 1-tahun) juga mengecil sebanyak 45 mata asas, berikutan permintaan bagi sekuriti jangka panjang yang lebih kukuh (Januari – Julai 2011: -22 mata asas).

CARTA 5.7

Kadar Hasil Indikator Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM)¹


¹ Akhir tempoh.
² Akhir Julai 2012.
 Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.8

Bahagian Pegangan Asing Dalam Jumlah SKM Terkumpul¹

¹ Akhir tempoh.
² Akhir Julai 2012.
 Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.9

Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta (PDS) 5-Tahun¹

¹ Akhir tempoh.
² Akhir Julai 2012.
 Sumber: Bank Negara Malaysia.

**Prestasi FBM KLCI yang menggalakkan**

Secara keseluruhan, **pasaran ekuiti** kekal berdaya tahan dan terus mencatatkan peningkatan meskipun terdapat volatiliti pasaran global yang kian meningkat serta persekitaran ekonomi yang mencabar pada tujuh bulan pertama 2012. Indeks Komposit Kuala Lumpur Financial Times Stock Exchange (FTSE) Bursa Malaysia (FBM KLCI) menokok 82.79 mata atau 5.4% kepada 1,631.60 mata pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 11.82 mata; 0.8%; 1,530.73 mata). Sejak awal tahun hingga akhir Julai, FBM KLCI meningkat 100.87 mata atau 6.6%. Cabaran luar yang besar berpunca daripada gabungan pelbagai faktor termasuk krisis hutang kawasan euro yang berpanjangan, kebimbangan mengenai pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan di AS, China, Eropah dan India, jangkaan terhadap pakej rangsangan untuk meningkatkan prospek ekonomi global serta peningkatan harga minyak mentah, telah menimbulkan semula risiko kepada pertumbuhan global dan memberi kesan kepada sentimen pasaran. Walau bagaimanapun, faktor domestik yang positif termasuk asas ekonomi yang kukuh serta inisiatif transformasi ekonomi yang berterusan oleh Kerajaan telah menyokong pasaran. Di samping itu, keuntungan korporat tempatan yang mampan serta penyenaian Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGVH) dan IHH Healthcare Berhad (IHH) telah membantu melonjakkan sentimen pasaran tempatan.

Kejayaan penyenaian FGVH di Bursa Malaysia pada 28 Jun 2012 telah menarik tumpuan umum terhadap pasaran modal Malaysia. IPO ini dianggap yang kedua terbesar di dunia pada ketika itu selepas Facebook dan berjaya menjana RM9.9 bilion serta menarik minat yang kuat daripada para pelabur tempatan dan asing utama dengan 262 juta saham telah didagangkan pada hari pertama. Sementara itu, penyenaian IHH secara serentak di Bursa Malaysia dan Bursa Singapura pada 25 Julai 2012, menjadikan syarikat tersebut salah satu daripada penyedia penjagaan kesihatan swasta

JADUAL 5.8

Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih Januari – Julai

	2011	2012
Indeks harga¹		
FBM KLCI	1,548.8	1,631.6
FBMEMAS	10,682.8	11,175.2
FBM 100	10,459.4	10,992.1
FBM SCAP	12,511.3	12,346.8
FBM-ACE	4,121.8	4,420.3
Jumlah urus niaga²		
Bilangan (juta unit)	181,160.9	212,005.4
Nilai (RM juta)	261,540.3	235,846.4
Purata urus niaga harian²		
Bilangan (juta unit)	1,266.9	1,472.3
Nilai (RM juta)	1,829.0	1,637.8
Permodalan pasaran¹ (RM bilion)	1,339.3	1,423.8
Bilangan syarikat disenaraikan¹		
Pasaran Utama	841	815
Pasaran ACE	119	114
Kecairan pasaran¹		
Nilai urus niaga/ permodalan pasaran (%)	19.5	16.6
Penumpuan pasaran¹		
10 saham dengan permodalan pasaran tertinggi/ permodalan pasaran (%)	35.5	34.9

¹ Pada akhir tempoh.² Berdasarkan urus niaga pasaran semasa tempoh.


Sumber: Bursa Malaysia.

terbesar di dunia berdasarkan permodalan pasaran. Dagangan IHH adalah aktif pada hari pertama dengan 390.4 juta saham bernilai RM1.2 bilion didagangkan.

Pada bulan Ogos, prestasi pasaran terus positif dan mencatatkan paras tertinggi baharu iaitu 1,653.78 mata pada 15 Ogos, dirangsang oleh pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh sebanyak 5.4% pada suku kedua 2012. Harga saham di




CARTA 5.10
Prestasi Bursa Malaysia




¹ Akhir tempoh.
Sumber: Bursa Malaysia.

CARTA 5.11
Prestasi Pasaran Saham Terpilih



Sumber: Bloomberg.

CARTA 5.12
Bursa Malaysia: Permodalan Pasaran¹, Halaju dan Volatiliti



¹ Akhir tempoh.
Sumber: Bursa Malaysia.

Bursa Malaysia jatuh sedikit kepada 1,646.11 mata pada akhir Ogos 2012 disebabkan oleh timbulnya ketidakpastian dalam pertumbuhan ekonomi global dan sentimen pelabur yang berhati-hati sementara menunggu pengumuman oleh penggubal dasar dalam menangani krisis hutang kawasan euro serta merangsang pertumbuhan ekonomi (akhir Ogos 2011: 1,447.27 mata).

Nilai permodalan pasaran meningkat 6.3% kepada RM1,424 bilion pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 0.7%; RM1,285 bilion). Jumlah urus niaga pasaran juga meningkat 18.4% kepada 222.2 bilion unit dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: 40.2%; 187.7 bilion unit). Peningkatan ini adalah disebabkan penyertaan yang menggalakkan daripada pelabur tempatan dan asing berikutan keuntungan korporat yang kukuh. Sementara itu, jumlah nilai urus niaga pasaran menyusut 7.1% kepada RM251.7 bilion (Januari – Julai 2011: 34.3%; RM270.9 bilion). Halaju pasaran turut menurun kepada 30% manakala volatiliti pasaran jatuh kepada 5.4% (Januari – Julai 2011: 35%; 6.2%). Jumlah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia berkurang kepada 929 pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 941).

Sementara itu, satu pendekatan baharu telah ditetapkan bagi Invest Malaysia 2012 (IMKL 2012) untuk membentuk perspektif pelabur yang positif terhadap Malaysia sebagai pemacu utama pasaran modal Association of Southeast Asian Nations (ASEAN). Inisiatif yang diumumkan di IMKL 2012 adalah termasuk penubuhan Pasukan Petugas Pasaran Modal untuk mengemukakan cadangan dan mengenal pasti program pelaksanaan yang jelas bagi memperkemas proses kawal selia dan pengurusan; dan penubuhan Dana Pampasan Pasaran Modal Tergabung untuk menyatukan skim pampasan yang sedia ada dan juga menjadi pusat sehati untuk pampasan pelabur. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada strategi menyeluruh ke arah membentuk pasaran modal yang adil dan cekap serta berdaya saing di peringkat antarabangsa.



Di peringkat serantau, di bawah naungan ASEAN *Capital Markets Forum*, pengawal selia sekuriti dan bursa saham di Malaysia, Singapura dan Thailand telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Rangka Kerja Semakan Dipercepat bagi Penyenaraian Sekunder pada 16 Mac 2012. Objektif rangka kerja ini adalah untuk mempercepat proses permohonan penyenaraian sekunder bersama dengan dokumen penzahiran yang berkaitan. Rangka kerja ini akan memupuk lebih integrasi antara pasaran modal di rantau ini dan mempromosi ASEAN sebagai destinasi penajaan dana global.

Dagangan derivatif yang stabil

Dagangan dalam pasaran **derivatif** meningkat 7.7% dengan perolehan sebanyak 5.3 juta kontrak dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: 43.6%; 4.9 juta). Perolehan niaga hadapan KLCI (FKLI) dan niaga hadapan minyak sawit mentah (FCPO) terus menguasai pasaran derivatif, dengan mencakupi 99.2% daripada jumlah dagangan (Januari – Julai 2011: 98.4%). Dagangan bagi niaga hadapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) adalah minimum manakala niaga hadapan SKM 3-tahun dan 5-tahun serta niaga hadapan saham tunggal tidak didagangkan dalam tempoh tersebut. Jumlah dagangan bagi FCPO berkembang 11.9% kepada 3.9 juta kontrak, bersamaan dengan 9.5 juta tan metrik minyak sawit mentah dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: 62%; 3.5 juta; 10.3 juta tan metrik). Sementara itu, jumlah dagangan FKLI menurun 0.1% kepada 1.3 juta kontrak (Januari – Julai 2011: 12.6%; 1.3 juta).

Pada 16 Julai 2012, Bursa Malaysia Derivatives Berhad (BMD) telah memulakan dagangan bagi kontrak opsyen ke atas niaga hadapan minyak sawit mentah (OCPO), satu kontrak opsyen pertanian dagangan bursa yang pertama di Asia sebagai pelengkap kontrak FCPO yang telah mencapai kejayaan cemerlang. OCPO yang menggunakan FCPO sebagai kontrak asas, menawarkan satu lagi alat pengurusan risiko

untuk peserta industri bagi memenuhi keperluan dagangan mereka. Melalui kerjasama BMD dengan Chicago Mercantile Exchange (CME) Group, OCPO yang disenaraikan dan diniagakan di platform dagangan elektronik CME Globex, membolehkannya diakses oleh pedagang di seluruh dunia.

Unit amanah terus berkembang

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, dua dana **unit amanah** baharu telah dilancarkan, menjadikan jumlah keseluruhan dana kepada 589 (akhir tahun 2011: 23 dana baharu; 587 dana). Jumlah unit dalam edaran meningkat 10% kepada 337 bilion unit, manakala bilangan akaun bertambah 4.2% kepada 15.8 juta (akhir tahun 2011: 9.4%, 316.4 bilion unit; 5.5%, 15.4 juta). Saiz industri unit amanah dari segi nilai aset bersih (NAV) berkembang 13.4% kepada RM283.4 bilion, yang meliputi 19.9% daripada permodalan pasaran di Bursa Malaysia (akhir

JADUAL 5.9

Industri Unit Amanah: Penunjuk Terpilih

	Akhir 2011	Akhir Julai 2012
Bilangan syarikat pengurusan	40	40
Bilangan dana yang dilancarkan	587	589
Konvensional	423	424
Islam	164	165
Unit dalam edaran (juta)	316,411	337,013
Bilangan akaun (juta)	15.4	15.8
Nilai aset bersih (NAV) (RM juta)	249,459	283,427
Konvensional	221,599	250,194
Islam	27,860	33,233
NAV/Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (%)	19.4	19.9

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.



tahun 2011: 10%; RM249.5 bilion; 19.4%). Dana ekuiti merupakan pilihan dana utama bagi pelaburan dengan jualan bersih sebanyak RM12.2 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 berbanding dengan dana bon dan dana pendapatan tetap yang mencatatkan RM4.7 bilion.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, 15 dana baharu telah dilancarkan bagi pelaburan dalam pasaran luar negeri (akhir tahun 2011: 38 dana baharu). Sementara itu, 12 dana telah melabur RM1.3 bilion di luar negeri (akhir tahun 2011: 26 dana; RM1 bilion). Pada akhir Julai 2012, sejumlah 278 dana telah melabur RM16.7 bilion dalam pasaran luar negeri, yang mewakili 5.9% daripada jumlah NAV industri (akhir tahun 2011: 272; RM15.6 bilion; 6.3%).

Prestasi industri **amanah pelaburan harta tanah (REIT)** kekal cergas sepanjang tempoh tujuh bulan pertama 2012. Jumlah dagangan meningkat 57.7% kepada 1.1 bilion unit sementara nilai dagangan bertambah 73% kepada RM1.4 bilion (Januari – Julai 2011: 4.8%, 0.7 bilion unit; 10.2%, RM0.8 bilion). Permodalan pasaran juga meningkat kepada RM19.4 bilion pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: RM16.3 bilion). Jumlah bilangan REIT kekal pada 15, terdiri daripada 14 REIT tersenarai di Bursa Malaysia dan 1 tidak tersenarai, dengan jumlah NAV meningkat kepada RM15.9 bilion pada akhir Jun 2012 (akhir tahun 2011: 15; 14; 1; RM15.4 bilion).

Bilangan **dana dagangan bursa (ETF)** tersenarai di Bursa Malaysia kekal pada lima pada akhir Julai 2012, dengan permodalan pasaran sebanyak RM920.6 juta (akhir tahun 2011: RM1 bilion). Sementara itu, jumlah urus niaga menurun 32.2% kepada 99.9 juta unit (Januari – Julai 2011: 259.5%; 147.4 juta unit), manakala nilai juga menyusut 33.4% kepada RM103 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012 (Januari – Julai 2011: 245.9%; RM154.8 juta).


Pelaburan VC kekal positif

Industri **modal teroka (VC)** terus menjadi sumber penting pembiayaan peringkat awal

untuk permulaan dan pengembangan syarikat. Pada akhir Julai 2012, bilangan syarikat modal teroka (VCC) berdaftar meningkat kepada 60 dan syarikat pengurusan modal teroka (VCMC) berdaftar bertambah kepada 53 (Januari – Julai 2011: 55 VCC; 51 VCMC). Jumlah pelaburan VC meningkat 5.8% kepada RM3.6 bilion pada akhir tahun 2011 (akhir tahun 2010: 31.1%; RM3.4 bilion) dengan sektor teknologi maklumat dan komunikasi merangkumi 42.4%, sains hayat 22.6% dan sektor pembuatan 12.1% daripada jumlah keseluruhan pelaburan. Namun begitu, jumlah dana komited merosot 8.4% kepada RM5.5 bilion, dengan agensi Kerajaan sebagai penyumbang terbesar sumber dana VC berjumlah RM3 bilion, mewakili 54.1% daripada jumlah dana komited (akhir tahun 2010: 11.5%, RM6 bilion; RM3.1 bilion, 51.4%).

CARTA 5.13

Sumber Dana Modal Teroka



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.



Langkah Utama Pasaran Modal

Beberapa langkah telah dilaksanakan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, untuk meningkatkan lagi tahap kecairan pasaran dan kecekapan dalam pasaran modal. Langkah-langkah ini adalah seperti berikut:

- Pada **5 April**, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah meluluskan lapan pengantara sebagai penyedia Skim Persaraan Swasta (Penyedia PRS), yang merupakan satu pencapaian penting dalam pembangunan industri persaraan swasta yang mampan dalam tempoh jangka panjang.
- Pada **1 Jun**, berikutan pindaan kepada Buku Panduan Pelesenan SC, Bursa Malaysia memperkenalkan kegiatan ejen rujukan bagi membolehkan broker sekuriti dan niaga hadapan memperkenalkan pelanggan masing-masing antara satu sama lain. Pindaan ini mewujudkan persekitaran perdagangan yang lebih memudahkan dan dijangka meningkatkan bilangan pelanggan dalam pasaran sekuriti dan derivatif.
- Pada **8 Jun**, Bursa Malaysia Derivatives Berhad (BMD) telah mengumumkan pelonggaran sekatan bagi penubuhan cawangan dan kiosk oleh broker niaga hadapan yang memberi laluan untuk penyertaan lebih banyak individu dalam pasaran derivatif serta mendekati pelanggan di seluruh negara. Di samping itu, kelonggaran ini membolehkan BMD bekerjasama dengan broker bagi mendidik orang ramai mengenai dagangan niaga hadapan dan opsyen.
- Pada **18 Jun**, Majlis Penasihat Syariah SC telah mengguna pakai kaedah penyaringan yang disemak semula bagi menentukan status patuh Syariah syarikat tersenarai. Semakan ini dilaksana bagi mengambil kira perkembangan industri kewangan Islam yang semakin canggih sejak kaedah penyaringan yang sedia ada diperkenalkan pada tahun 1995. Kaedah yang telah disemak semula mengguna pakai penanda aras bagi aktiviti perniagaan serta nisbah kewangan yang baharu diperkenalkan.
- Pada **6 Julai**, Bursa Malaysia meningkatkan sistem dagangannya dengan memperkenalkan beberapa jenis pesanan baharu dan sah laku bagi membolehkan peserta pasaran melaksanakan dagangan dan strategi pengurusan risiko yang lebih pelbagai. Penambahbaikan ini adalah sebahagian daripada inisiatif yang dilaksanakan untuk meningkatkan rangka kerja dan kecekapan pasaran.
- Pada **10 Julai**, Bursa Malaysia telah memperkenalkan penambahbaikan bagi Kemudahan Padanan Berpusat, satu sistem penyelesaian automatik yang menawarkan padanan elektronik menyeluruh bagi butiran dagangan dan penyelesaian antara peserta penjelasan dagangan (syarikat broker saham) dan peserta penjelasan bukan dagangan (bank kustodian). Penambahbaikan ini akan dapat membantu dalam mengurangkan ketegangan pasaran dan selari dengan amalan dan piawaian terbaik antarabangsa.
- Pada **18 Julai**, rangka kerja skim persaraan swasta telah siap sepenuhnya dengan penubuhan Pentadbir Pencen Swasta dan kelulusan set pertama sebanyak 24 dana di bawah Skim Persaraan Swasta.
- Pada **18 Julai**, Kerajaan telah mengumumkan bahawa SC akan membangunkan dua segmen pasaran modal baharu iaitu tempat dagangan bagi syarikat tidak tersenarai untuk menjana dana dan satu bursa merkantil untuk memudahkan pelaburan dalam niaga hadapan emas dan logam berharga yang lain. Di samping itu, SC juga akan memperkenalkan dua kategori baharu bagi individu berdaftar iaitu ejen pelaksana dan wakil pembangunan perniagaan untuk mengukuhkan peranan peniaga, memudahkan penyediaan perkhidmatan khusus dan mengadakan akses kepada kumpulan pelanggan yang lebih besar.

Memangkin Pelaburan Budiman di Malaysia

Pengenalan

Pelabur budiman semakin diiktiraf di peringkat global sebagai sumber modal ekuiti yang penting pada peringkat permulaan sesebuah syarikat dengan menyediakan pembiayaan untuk pembangunan produk dan pemasaran awal. Ini termasuk syarikat yang sedang dalam proses penubuhan atau yang telah menjalankan perniagaan untuk jangka masa yang singkat tetapi belum dapat menjual produk mereka secara komersial. Pembiayaan budiman memenuhi jurang di antara pembiayaan tidak formal oleh pengasas, keluarga dan rakan-rakan, dan pembiayaan modal teroka yang formal dengan saiz pelaburan yang lazimnya antara USD25,000 dan USD500,000. Syarikat-syarikat terkenal yang telah mendapat manfaat daripada sokongan pelabur budiman termasuk Google, Facebook, Paypal, Tesla Motors, Twitter, Autocad, Intel, Apple dan National Semiconductor. Pelabur budiman secara umumnya merupakan individu yang melabur sebahagian daripada aset peribadi mereka dalam syarikat di peringkat permulaan dan juga berkongsi pengalaman peribadi dalam pengurusan perniagaan, termasuk memberikan kepakaran strategik dan operasi kepada usahawan. Walaupun pelaburan budiman telah lama wujud, ia menjadi lebih formal dan tersusun hanya dalam beberapa dekad kebelakangan ini melalui penubuhan persatuan dan rangkaian budiman.

JADUAL 1: Pelaburan Ekuiti pada Peringkat Pertumbuhan Firma Semai, Awal dan Akhir

Pelabur Tidak Formal		Pelabur Formal
Pengasas, rakan-rakan dan keluarga	Pelabur budiman Saiz pelaburan lazim: USD25,000-USD500,000	Dana modal teroka Saiz pelaburan lazim: USD3 juta-USD5 juta
Pelaburan peringkat semai	Pelaburan peringkat awal	Pelaburan peringkat akhir



Jurang Pembiayaan

Sumber: OECD 2011 – *Financing High Growth Firms: The Role of Angel Investors*.


Pembiayaan Budiman di Negara Maju

Di Amerika Syarikat (AS), anggaran menunjukkan bahawa kira-kira 250,000 pekerjaan baharu telah diwujudkan pada tahun 2009 oleh firma-firma yang disokong oleh pelaburan budiman, mewakili 5% daripada pekerjaan baharu di AS. Secara perbandingan, AS mempunyai kira-kira 250,000 pelabur budiman yang menjana pelaburan sebanyak USD20 bilion, manakala Eropah mempunyai kira-kira 75,000 pelabur budiman yang menjana pelaburan empat bilion euro dalam pelaburan. Berdasarkan Laporan Halo bagi suku pertama tahun 2012, sektor Internet telah menguasai urus niaga kumpulan budiman di AS bagi tempoh 12 bulan yang lalu manakala syarikat penjagaan kesihatan menerima syer terbesar daripada jumlah dolar bagi tempoh yang sama.

Pembentukan kumpulan dan rangkaian pelabur budiman boleh mengurangkan ketidakseragaman maklumat yang merupakan penghalang kepada pertemuan pelabur dan usahawan. Tambahan pula, pepadanan yang berjaya memenuhi keperluan dan kesanggupan mengambil risiko antara usahawan dan pelabur akan dapat merapatkan jurang pendanaan yang menjadi punca utama bagi




CARTA 1

Urus Niaga Kumpulan Budiman Mengikut Sektor dari April 2011 - Mac 2012

Sumber: Angel Resource Institute: Laporan Halo S1 2012.

CARTA 2

Bahagian Pelaburan dalam Dolar AS Diterima Mengikut Sektor dari April 2011 - Mac 2012

Sumber: Angel Resource Institute: Laporan Halo S1 2012.

kebanyakan idea dan konsep baharu gagal dibangunkan. Memandangkan manfaat ekonomi yang berpotensi dalam menggalakkan pelaburan budiman, pelaksanaan dasar seperti insentif cukai dan pemberian sokongan bagi menubuhkan persatuan budiman akan dapat merangsang perkembangan pelabur budiman.

Sebagai contoh, skim insentif cukai di United Kingdom (UK) iaitu *Enterprise Investment Scheme* yang dilaksanakan pada tahun 1994 dan *Seed Enterprise Investment Scheme* yang baharu dilancarkan pada April 2012, digubal untuk menarik wang budiman bagi membiayai pelaburan peringkat permulaan dan semai. Pada masa ini, terdapat kira-kira 15,000 pelabur budiman dan lebih daripada 100 rangkaian budiman beroperasi di UK.

Landskap Pelaburan Budiman di Malaysia

Di Malaysia, peneraju dalam pelaburan budiman telah bermula dengan kumpulan seperti KL Angels Club yang aktif pada akhir 1990-an. Walau bagaimanapun, antara tempoh cetusan gelembung *dotcom* dan tahun 2004, kesemua kelab budiman tempatan tidak berfungsi lagi atau telah beralih ke pelaburan peringkat akhir. Ini menyebabkan tiada aktiviti pelaburan budiman antara tahun 2004 dan 2009. Dalam tempoh ini, pendanaan bagi pelaburan peringkat semai dan permulaan kebanyakannya bergantung pada Kerajaan.

Berikutan itu, usahawan dan syarikat teknologi tempatan di peringkat permulaan mendapatkan pembiayaan budiman atau pembiayaan awal di negara serantau seperti Singapura, India dan Hong Kong seterusnya menempatkan ibu pejabat atau pusat operasi utama mereka di sana. Situasi



ini merupakan kehilangan ketara bakat keusahawanan dan pewujudan pekerjaan. Pada tahun 2004, Cradle Fund Sendirian Berhad (Cradle), sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan telah ditubuhkan untuk mentadbir pendanaan peringkat awal bagi membangunkan idea inovatif dan membantu syarikat permulaan mengkomersialkan produk dan perkhidmatan inovatif. Walau bagaimanapun, sejak akhir tahun 2009, Cradle juga telah ditugaskan untuk menghidupkan semula dan membangunkan pelaburan budiman di Malaysia. Pada akhir Julai 2012, Cradle telah memainkan peranannya sebagai pemangkin dengan membiayai 477 projek pra-semai, di mana kira-kira 209 projek telah siap dan 55% daripada projek tersebut telahpun dikomersialkan. Sementara itu, Cradle telah membiayai sebanyak 85 syarikat permulaan untuk pengkomersialan yang mana lapan syarikat telah mendapat pelaburan bersama dengan pelabur budiman atau pemodal teroka.

Pada akhir tahun 2010, sebanyak dua kelab budiman persendirian telah ditubuhkan iaitu Virtuous Investment Circle yang terdiri daripada 20 individu budiman dan PIKOM Angels yang mempunyai kira-kira 100 ahli. Walaupun ini adalah permulaan yang menggalakkan, kadar pelaburan aktif oleh rangkaian budiman ini adalah rendah dengan kira-kira 20 urus niaga pelaburan berjumlah hampir RM10 juta dalam tempoh dua tahun yang lepas.

Menurut satu kajian pada tahun 2011, Malaysia mempunyai lebih 39,000 jutawan serta sejumlah usahawan dan individu bernilai bersih tinggi, yang dapat menyediakan sekumpulan pelabur budiman yang berpotensi. Peningkatan bilangan pelabur budiman dijangka berlaku secara berperingkat memandangkan pewujudan budaya melabur di peringkat permulaan dan dalam usaha niaga teknologi berisiko tinggi memerlukan perubahan minda yang baharu dan toleransi risiko yang lebih tinggi. Keadaan ini disebabkan terdapat banyak pelaburan alternatif yang lain dalam sektor tradisional seperti harta tanah dan kewangan. Walau bagaimanapun, adalah penting bagi Malaysia mewujudkan dan menyokong lebih banyak peluang untuk memadankan pelabur budiman dengan pendanaan swasta bagi pembiayaan peringkat awal dan mengurangkan kebergantungan terhadap pendanaan Kerajaan. Kerajaan pula akan terus memainkan peranan memudahcara dengan pelaksanaan dasar yang bersesuaian.

Kesimpulan

Dalam *Third Asian Business Angel Forum 2012* di Kuala Lumpur, Kerajaan telah mengumumkan bahawa Jaringan Perniagaan Budiman Malaysia (MBAN) akan ditubuhkan menjelang akhir tahun 2012. MBAN akan memainkan peranan utama dalam membangunkan komuniti dan ekosistem pelaburan budiman di Malaysia dan meningkatkan usaha untuk memudahkan pelaburan bersama antara pelabur budiman di Malaysia dan di ASEAN serta rantau lain.

Perkembangan Kewangan Islam

Kerjasama antarabangsa yang lebih erat

Usaha yang berterusan telah diambil untuk meningkatkan lagi kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam **kewangan Islam**, seiring dengan perkembangan kewangan Islam yang semakin diterima di pasaran kewangan global. Usaha ini termasuk kajian semula terhadap undang-undang mengenai tanah, sewa beli dan kontrak yang berkaitan dengan kewangan Islam oleh Jawatankuasa Pengharmonian Undang-Undang.

Kajian semula ini adalah untuk memastikan undang-undang tersebut bersesuaian dengan Syariah dan mengemukakan cadangan pindaan kepada undang-undang untuk memudahkan urus niaga kewangan Islam. Di peringkat antarabangsa, penglibatan global dan kerjasama dalam bidang kewangan Islam terus dipupuk dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012. Kerjasama antara Islamic Development Bank Group dengan rakan pembangunan yang lain diperkukuhkan melalui pelancaran program *Member Country Partnership Strategy* di Malaysia pada awal bulan Mei.



Sementara itu, satu MoU antara Persatuan Institusi-institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) dan *Participating Banks Association of Turkey* telah ditandatangani pada 15 Mei 2012 untuk mempromosikan lagi perbankan, pasaran modal dan pasaran wang Islam di peringkat global. Selain itu, bank pusat Malaysia dan Republik Turki telah menandatangani MoU pada 16 Mei 2012 untuk meningkatkan hubungan perkhidmatan kewangan dan pelaburan antara kedua-dua negara. International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) juga telah menandatangani MoU dengan World Bank serta MoU dengan Islamic Financial Services Board dalam usaha meningkatkan kerjasama dalam perkongsian ilmu, menjalankan penyelidikan, pembangunan, latihan, dan pendidikan dalam industri perkhidmatan kewangan Islam.

Pada Mei 2012, sebuah Forum Perniagaan Malaysia dengan tema 'Mempromosikan Hubungan Kewangan dan Ekonomi Global Melalui Kewangan Islam' telah diadakan di Istanbul, untuk mempromosikan dan menonjolkan lagi sumbangan kewangan Islam dalam sektor ekonomi benar dan urus niaga rentas sempadan. Forum ini telah dihadiri oleh kira-kira 200 peserta, terutamanya daripada kumpulan perniagaan dan kewangan dari Asia, Eropah dan rantau Gulf Cooperation Council (GCC). Antara isu yang dibincangkan adalah cabaran ke arah hubungan ekonomi dan kewangan yang lebih baik dalam dunia kewangan Islam, interpretasi Syariah dalam urus niaga rentas sempadan, modal insan untuk industri kewangan Islam serta inovasi dalam produk dan perkhidmatan Islam. Sementara itu, bersempena dengan Persidangan Gas Dunia di Kuala Lumpur pada Jun 2012, satu majlis rangkaian perniagaan telah diadakan untuk menyerlahkan potensi kewangan Islam dalam industri minyak dan gas.

Pasaran modal Islam yang rancak

Pasaran modal Islam telah banyak menyumbang kepada pembangunan keseluruhan pasaran modal dan kekal sebagai satu sumber alternatif yang penting untuk penajaan modal. Pada akhir Julai 2012, sebanyak 825 sekuriti patuh Syariah

disenaraikan di Bursa Malaysia, mewakili 89% daripada jumlah sekuriti dengan nilai permodalan pasaran berjumlah RM931 bilion atau 65% daripada jumlah nilai permodalan pasaran (akhir tahun 2011: 839, 89%; RM806 bilion, 63%). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, jumlah dagangan sekuriti patuh Syariah meningkat kepada 148.4 bilion unit atau 66.8% daripada jumlah 222.2 bilion unit yang didagangkan (Januari – Julai 2011: 110.9 bilion unit; 59.1%; 187.7 bilion unit). Malaysia kekal di barisan hadapan dalam inovasi dan pembangunan sukuk dan terus menjadi peneraju global dalam pasaran sukuk, menyumbang kepada 68% daripada jumlah sukuk terkumpul global pada akhir Julai 2012. Seterusnya, Malaysia telah mengekalkan kedudukan nombor satu dalam penerbitan sukuk dengan bahagian pasaran sebanyak 71% pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 73%). Sementara itu, Bursa Malaysia kekal sebagai destinasi utama penyenaraian sukuk, dengan 19 sukuk disenaraikan berjumlah RM99.6 bilion (USD31.7 bilion) pada akhir Julai 2012.

Malaysia juga kekal sebagai salah satu peneraju global dalam industri pengurusan dana Islam. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012, sebanyak dua lesen pengurusan dana Islam telah diluluskan, menjadikan jumlah syarikat yang menguruskan dana Islam sepenuhnya kepada 18 (akhir tahun 2011: 16). Dalam tempoh yang sama, terdapat tambahan satu dana amanah Islam dan empat dana borong Islam telah dilancarkan (akhir tahun 2011: 164; 28). Sehingga akhir Julai 2012, jumlah keseluruhan NAV bagi dana amanah Islam adalah sebanyak RM33 bilion dan bagi dana borong Islam sebanyak RM14 bilion (akhir tahun 2011: RM28 bilion; RM7 bilion). Sementara itu, bilangan REIT Islam kekal pada tiga dana, dengan permodalan pasaran sebanyak RM3.6 bilion pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 3; RM2.9 bilion). ETF Islam juga kekal pada satu dana dengan NAV berjumlah RM0.3 bilion (akhir tahun 2011: 1; RM0.4 bilion).

Perkembangan terbaru dalam bidang pengurusan dana dan kekayaan juga menyaksikan satu syarikat pengurusan dana Islam Malaysia telah



mengadakan usaha sama dengan entiti asing. Usaha sama ini telah melancarkan tiga dana ekuiti yang mematuhi *Undertakings for Collective Investment in Transferable Securities* (UCITS) dan Syariah. Dana UCITS diiktiraf di peringkat global sebagai dana yang dikawal selia dengan baik dan mempunyai prosedur pengurusan risiko yang teguh dengan penekanan tegas terhadap perlindungan pelabur. Dana yang mematuhi UCITS boleh diagihkan antara negara ahli Kesatuan Eropah (EU) tanpa sebarang kebenaran tambahan. Dana-dana tersebut akan didaftarkan dan diagihkan di tujuh negara – United Kingdom, Switzerland, Jerman, Arab Saudi, Bahrain, Emiriah Arab Bersatu dan Singapura. Inisiatif peneraju bagi mengantarabangsakan keupayaan Malaysia dalam pengurusan aset Islam akan mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam global.

Sementara itu, sejajar dengan pembangunan yang kukuh dalam pasaran modal Islam, Bursa Suq Al-Sila' (BSAS) yang merupakan platform pertama di dunia untuk dagangan komoditi patuh Syariah yang menyeluruh, telah menambah Olein Sawit Ditapis, Diluntur dan Dinyahbau (RBD) sebagai tawaran komoditi baharu bagi memenuhi permintaan yang lebih tinggi untuk pembiayaan dan pelaburan Islam berasaskan komoditi daripada pelabur tempatan dan antarabangsa. Dagangan bagi komoditi baharu ini telah bermula pada 17 April 2012 dengan nilai dagangan sebanyak RM75 juta direkodkan sehingga 23 April 2012. Tawaran produk yang pelbagai di platform BSAS adalah seiring dengan strategi Bursa Malaysia untuk mempelbagaikan instrumen yang boleh didagangkan di bursa. Pada keseluruhannya, nilai purata harian dagangan komoditi mencatatkan peningkatan lebih daripada 200%, berjumlah RM1.2 bilion pada akhir tahun 2011 (akhir tahun 2010: RM0.4 bilion). Pada akhir Julai 2012, terdapat 63 peserta dagangan komoditi berdaftar.

Perbankan Islam terus bertumbuh

Perniagaan **perbankan Islam** terus berkembang dalam tempoh tujuh bulan pertama 2012. Jumlah aset meningkat 20.6% kepada RM469.5 bilion

pada akhir Julai 2012, mewakili 24.2% daripada jumlah aset sistem perbankan (akhir tahun 2011: 24.1%; RM436.1 bilion; 23.7%). Jumlah deposit meningkat 21.3% kepada RM362.7 bilion atau 26.1% daripada jumlah deposit sistem perbankan pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 23.4%; RM340.7 bilion; 25.8%). Jumlah pembiayaan Islam terus berkembang 19.3% kepada RM294.2 bilion dan mencakupi 26.6% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (akhir tahun 2011: 23.6%; RM268.3 bilion; 25.9%).

Sebahagian besar pembiayaan dalam sistem perbankan Islam disalurkan kepada sektor isi rumah dan mencakupi 65% atau RM191.1 bilion pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 65.4%; RM175.5 bilion). Syer pembiayaan kepada sektor perniagaan adalah terutamanya untuk sektor pembuatan pada 5.8% atau RM17.1 bilion

JADUAL 5.10

Perbankan Islam¹: Penunjuk Utama

	Akhir 2011		Akhir Julai 2012	
	RM juta	Perubahan (%)	RM juta	Perubahan (%)
Aset	436,078	24.1	469,526	20.6
Deposit	340,731	23.4	362,724	21.3
yang mana:				
Pelaburan	178,415	13.8	180,890	9.5
Tabungan	27,374	15.3	55,294	35.0
Permintaan	43,206	26.5	26,022	19.5
Lain-lain	91,735	49.2	100,518	41.3
Pembiayaan	268,251	23.6	294,204	19.3
yang mana:				
Pembuatan	16,012	18.7	17,127	7.2
Pembinaan	10,476	10.3	11,783	24.3
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	13,007	39.5	16,422	43.3
Pendidikan, kesihatan dan lain-lain	11,695	30.0	14,604	32.1
Isi rumah	175,531	24.0	191,143	17.6

¹ Termasuk institusi kewangan pembangunan (IKP)

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.



(akhir tahun 2011: 6%; RM16 bilion) dan sektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan pada 5.6% atau RM16.4 bilion (akhir tahun 2011: 4.8%; RM13 bilion).

Industri takaful yang rancak

Industri **takaful** terus berkembang sepanjang tempoh tujuh bulan pertama 2012, dengan aset meningkat kepada RM18.3 bilion dan merangkumi 9% daripada jumlah aset industri insurans dan takaful pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: RM16.9 bilion; 8.6%). Sebahagian besar aset takaful tertumpu dalam sekuriti hutang Islam dan TPK, yang merangkumi 74.4% daripada jumlah aset takaful.

Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan bagi perniagaan takaful keluarga melonjak 47.2% kepada RM1.5 bilion, didorong oleh caruman bersih yang lebih tinggi sebanyak RM2.6 bilion dalam

JADUAL 5.11


Perniagaan Takaful Keluarga dan Am

	2011	2012 Jan – Julai
Takaful keluarga		
Perniagaan baharu		
Jumlah caruman (RM juta)	2,695.1	2,008.0
Jumlah penyertaan (RM juta)	226,384.7	122,962.1
Bilangan sijil (unit)	884,360	491,224
Perniagaan berkuat kuasa		
Caruman tahunan (RM juta)	2,138.7	2,210.1
Jumlah penyertaan (RM juta)	401,829.9	421,160.1
Bilangan sijil (unit)	3,649,328	3,708,407
Takaful Am		
Caruman langsung kasar (RM juta)	1,599.1	1,048.1
Caruman bersih (RM juta)	1,159.4	792.6

Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.14

Aset¹ Kumpulan Wang Takaful (% bahagian)



¹ Aset kumpulan wang takaful keluarga dan am.

² Pelaburan lain = Pelaburan harta tanah + lain-lain.

³ Aset lain = Aset tetap + pembiayaan + aset asing + lain-lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

tempoh tersebut (Januari – Julai 2011: 9.6%; RM1 bilion; RM2.2 bilion). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh pengembangan berterusan dalam produk takaful sementara, yang menyumbang 62% kepada jumlah premium perniagaan baharu. Pengembangan memberangsangkan dalam produk takaful sementara terutamanya Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurangan adalah sejajar dengan pengembangan dalam pembiayaan perumahan. Jumlah caruman perniagaan takaful keluarga yang baharu berkembang kepada RM2 bilion dalam tempoh yang sama (Januari – Julai 2011: RM1.6 bilion). Kadar penembusan pasaran takaful keluarga terus stabil pada 13% pada akhir Julai 2012 (akhir tahun 2011: 12.8%).

Caruman langsung kasar bagi sektor takaful am meningkat 14.2% kepada RM1 bilion (Januari – Julai 2011: 18.1%; RM0.9 bilion) berikutan caruman lebih tinggi daripada segmen perniagaan motor yang merangkumi 57.9% daripada jumlah



perniagaan takaful am. Keuntungan kendalian untuk sektor ini bertambah 12.1% kepada RM152.4 juta (Januari – Julai 2011: 6.1%; RM136 juta) hasil daripada pendapatan caruman yang lebih tinggi berjumlah RM746.2 juta. Sementara itu, satu pengendali takaful baharu yang telah diberikan lesen takaful keluarga pada tahun 2009, telah memulakan operasi pada Januari 2012.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan bagi industri takaful, Garis Panduan Asas Penilaian Liabiliti Perniagaan Takaful Keluarga dan Garis Panduan Penilaian Asas Liabiliti Perniagaan Takaful Am yang dikemas kini telah dikeluarkan pada 15 Mei 2012. Garis panduan yang telah disemak semula ini mengambil kira kategori penarafan baharu dan keperluan penggunaan penarafan hutang subordinat dalam memenuhi kriteria pengendali takaful semula yang layak, serta bentuk laporan untuk penilaian liabiliti. Melalui garis panduan ini, pengendali takaful akan lebih jelas mengenai keperluan berhemat dan memudahkan penyerahan laporan penilaian aktuari.

Kemajuan Pelan Sektor Kewangan

Pelan yang dilancarkan pada 21 Disember 2011, melakarkan hala tuju sektor kewangan dalam peralihan kepada negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Pelan ini merangkumi 69 saranan dan lebih daripada 200 inisiatif. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini berjalan lancar mengikut perancangan.

Pada tahun 2012, keutamaan diberikan kepada inisiatif untuk menangani isu perlindungan, prasyarat atau persekitaran kondusif yang diperlukan untuk memastikan kejayaan saranan yang lain di bawah Pelan ini. Inisiatif ini termasuk menjalankan kajian semula komprehensif terhadap rangka kerja perundangan, mengukuhkan lagi institusi dan infrastruktur kewangan bagi menyokong pengantaraan dana yang berkesan, mempertingkatkan integrasi kewangan serantau dan memperkasa pendorong utama untuk pembangunan sistem kewangan selanjutnya.

Kemajuan Pelan Induk Pasaran Modal 2

Pelan Induk Pasaran Modal 2 (CMP2) dengan tema 'Berkembang dengan Tadbir Urus' telah dilancarkan pada April 2011. CMP2 memberi fokus kepada usaha untuk mengembangkan peranan pasaran modal dalam mencergaskan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan keberkesanan pasaran.

Hala tuju strategik CMP2 pada tahun 2012 adalah termasuk mengukuhkan perlindungan pelabur dan memangkinkan lebih banyak penyertaan runcit melalui penubuhan Dana Pampasan Pasaran Modal Tergabung yang berjumlah RM420 juta dan memulakan 'Kempen Pelabur Bijak Kebangsaan'; mengukuhkan tadbir urus korporat dengan pengeluaran Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 yang menggantikan Kod lama yang dikeluarkan pada tahun 2007; dan meluaskan pelbagai produk dengan merangkumkan pelancaran semula opsyen FBM KLCI dan dagangan OCPO, memperkenalkan struktur amanah perniagaan berikutan pindaan kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 serta memperkenalkan rangka kerja untuk memudahcara penawaran bon kepada pelabur runcit.

Inisiatif utama ini dijangka mengukuhkan lagi pasaran modal dalam menghadapi cabaran daripada perubahan landskap kewangan global serta menyokong proses transformasi ekonomi negara.

Prospek 2013

Dengan pertumbuhan ekonomi global dijangka sederhana pada tahun 2013, ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4.5% hingga 5.5% didorong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan yang disokong oleh pertumbuhan pendapatan serta pengukuhan aktiviti sektor swasta yang dijana oleh inisiatif berterusan di bawah Program Transformasi Ekonomi. Inflasi dijangka kekal rendah sekiranya tiada sebarang perkembangan yang tidak diduga. Dasar monetari akan terus memberi tumpuan dalam



memastikan kestabilan harga dan menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan di samping mengelakkan pembentukan ketidakseimbangan kewangan.

Sistem kewangan domestik dijangka kekal berdaya tahan, walaupun terdapat ketidaktentuan yang berpanjangan terhadap hutang berdaulat kawasan euro dan isu sektor perbankan. Pembiayaan melalui sistem perbankan dan pasaran modal turut dijangka meningkat sejajar dengan projek utama yang sedang dilaksanakan bagi menggerakkan ekonomi dalam trajektori pertumbuhan. Landskap kewangan dijangka akan berubah lagi dengan pelancaran

Tun Razak Exchange (TRX), (dahulunya dikenali sebagai Daerah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur, KLIFD) pada Julai 2012. TRX yang berkeluasan 70 ekar akan mewujudkan peluang pelaburan baharu dengan pelbagai aktiviti ekonomi yang mempunyai kesan pengganda tinggi. Seterusnya, pembangunan sektor kewangan akan terus dipacu oleh Pelan Sektor Kewangan (2011-2020) dan CMP2 (2011-2020). Pelan Sektor Kewangan akan terus menjadi penggerak dan pemangkin pertumbuhan ekonomi, memperteguh inisiatif Kerajaan yang sedang dilaksanakan manakala CMP2 akan memperluas peranan pasaran modal dalam pembiayaan aktiviti ekonomi.